

'Usah risau jangkitan, data liputan vaksin tahap baik'

Putrajaya: Masyarakat tidak perlu bimbang dengan peningkatan kembali kes COVID-19 di Malaysia dan beberapa negara ASEAN yang lain kerana data bagi liputan vaksin berada pada tahap yang baik.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, berkata hanya terdapat satu atau dua negara yang liputan vaksinnya masih rendah, iaitu 20 peratus seperti yang dilaporkan di Myanmar.

Katanya, masyarakat perlu melihat tiga indikator utama COVID-19, antaranya kemasukan pesakit ke dalam hospital dan jumlah kematian yang dilaporkan sebelum mengatakan

kes di sesebuah negara itu meningkat secara mendadak.

"Kita akui, walaupun dengan vaksin masih ramai yang dijangkiti wabak berkenaan, kesan sampingan yang dihadapi pesakit lebih ringan berbanding mula-mula penularan virus berkenaan di negara ini," katanya kepada *BH*, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Noor Hisham memaklumkan jumlah kes baharu COVID-19 di negara ini meningkat sebanyak 27.9 peratus atau 11,096 kes kepada 14,195 kes berbanding pada minggu sebelumnya (ME ke-23).

Dr Malina berkata, walaupun



Dr Malina Osman

kini masyarakat sudah mula leka dengan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP), masih ramai yang terlindung daripada dijangkiti COVID-19 kerana masing-masing sudah mempunyai vaksin.

"Kalau zaman sebelum adanya vaksin, kita memang risau apabila lihat data kenaikan kes. Ketika itu jangkitan memang senang nak dapat, malah kita masih belum mempunyai rawatan yang selanjutnya.

"Namun, kini walaupun ramai yang dijangkiti, kesan sampingannya tidak seteruk

dahulu, yang banyak terdedah kepada bahaya dan memerlukan rawatan lanjut," katanya.

Bagaimanapun, Dr Malina berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) masih perlu membuat pemantauan supaya data yang diperoleh dengan tepat dan membantu negara mengawal dan cegah penularan COVID-19.

Bagi Naib Presiden Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik), Prof Madya Dr Rafidah Hanim Mokhtar, peningkatan kes ini sudah dijangkakan kerana rakyat Malaysia baru menyambut Aidilfitri serta berkumpul ketika cuti persekolahan.

"Trend kenaikan kes COVID-19 ini adalah seperti dijangkakan kerana kita baru

merayakan Aidilfitri, diikuti dengan cuti sekolah. Kita melihat sepanjang Syawal pelbagai perhimpunan, majlis hari raya dan kenduri-kendara diadakan di seluruh negara.

"Kita memang perlu menerima hakikat bahawa kita hidup dengan virus COVID-19 dan meneruskan aktiviti seperti biasa, tetapi saya bimbang apabila kita agak lalai dengan SOP yang ditetapkan seperti menjaga jarak, pemakaian pelitup muka, membasuh tangan dan menjaga jarak dalam keramaian dan kenduri-kendara.

"Aktiviti bersalaman juga mungkin masih perlu dikurangkan buat masa ini dan saya harap semua memahami rasionalnya," katanya.